

10 JAN 1996

M'SIA DAN KANADA AKAN TANDATANGANI KONTRAK BERNILAI LEBIH RM1 BILION

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Beberapa kontrak perniagaan dan memorandum persefahaman bernilai lebih RM1 bilion dijangka ditandatangani antara ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Kanada semasa Dialog Pertama Pemimpin-pemimpin Perniagaan Kanada-Malaysia di sini minggu depan.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia John Bell mwenberitahu persidangan berita di sini hari ini Dialog sehari itu akan diadakan pada 19 Jan dan antara 35 dan 45 perjanjian akan dimeterai.

Turut hadir pada persidangan berita itu ialah presiden Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) Mirzan Mahathir.

Dialog itu dianjurkan oleh Suruhanjaya Tinggi Kanada dan ASLI bersempena lawatan rasmi Perdana Menteri Kanada Jean Chretien ke Malaysia.

Bell berkata Chretien akan disertai tujuh orang ketua menteri wilayah-wilayah dalam Kanada dan lebih 200 rombongan perniagaan.

Chretien dijadualkan menyampai ucapan utama mengenai "Persiapan Kanada bagi Abad Pasifik - Sama-sama Membangunkan Sebuah Asia Yang Moden," pada Dialog itu, tambahnya.

Misi perdagangan yang dikenali sebagai "Pasukan Kanada" itu akan memberi tumpuan kepada bidang-bidang pertanian dan makanan, pendidikan, tenaga, alam sekitar, perkhidmatan kewangan, telekomunikasi dan pengangkutan.

Bell berkata Dialog itu akan mewujudkan rangkaian kerja untuk membolehkan kerjasama dalam pasaran serantau antara perniagaan-perniagaan Malaysia dan Kanada. -- BERNAMA